

**30/07/2015 - Program Turun Padang Bersama Warga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan  
Kerajaan Malaysia**

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.*

*Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis,*

***YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal,***

*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia*

***YBhg. Datuk Seri Othman Bin Haji Mahmood***

*Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri*

***YBhg. Datuk Mohd Zuki Bin Ali***

*Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Jabatan Perdana Menteri*

***YBrs. Puan Yatimah binti Sarjiman***

*Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan)*

*Jabatan Perdana Menteri*

***YBhg. Dato' Aloyah Binti Mamat***

*Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan*

*Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia*

*Yang Berbahagia Datuk-Datuk/Dato', Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-setiausaha Bahagian,  
Tuan-tuan dan Puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian.*

**PENDAHULUAN**

- 1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua, dapat kita berjumpa dan berkumpul dalam*

Program Turun Padang bersama warga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia pada hari ini.

2. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada semua para hadirin dan khususnya kepada seluruh warga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.
3. Saya dimaklumkan bahawa **seramai 300** Pegawai Keselamatan Kerajaan, Penolong Pegawai Keselamatan Kerajaan, Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan dari 20 Kementerian, Jabatan dan Agensi yang mempunyai jawatan kader Skim KP telah dijemput hadir ke majlis ini. Saya berharap sesi **musyawarah atauengagement** seumpama ini dapat dianjurkan dari semasa ke semasa sebagai **salah satu platform** di mana para penjawat awam di pelbagai peringkat jawatan dan gred dapat bertemu dan memberikan maklum balas serta idea demi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

### **RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMK 11)**

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

4. Pada 21 Mei 2015, YAB Perdana Menteri telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK- 11) dimana beliau telah mengumumkan sebanyak RM260 bilion peruntukan pembangunan sepanjang tempoh lima (5) tahun pelaksanaannya. YAB Perdana Menteri juga telah mengungkapkan dengan jelas bahawa **RMK-11 merupakan pelonjak akhir** atau **the final lap** sebelum negara menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.
5. Maka, dalam mencapai matlamat RMK-11, **penjawat awam merupakan tulang belakang** kepada jentera pentadbiran Kerajaan dalam melaksanakan semua dasar, program dan perancangan yang telah digariskan oleh Kerajaan. Sebagai penjawat awam kita dituntut supaya memberikan **komitmen yang**

sepenuhnya dan meningkatkan produktiviti serta mempraktikkan budaya kerja berprestasi tinggi bagi merealisasikan kejayaan pelaksanaan RMK-11.

6. Saya juga amat berharap perhatian dan tumpuan kita tidak seharusnya teralih kepada isu-isu yang tidak memberi faedah atau manfaat kepada rakyat dan negara. Ini adalah amat penting agar kita dapat terus fokus dan seterusnya meningkatkan momentum sedia ada demi pembangunan kemajuan negara.

## **PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN KEBOCORAN MAKLUMAT RAHSIA RASMI DAN RASMI KERAJAAN**

Hadirin yang dihormati sekalian.

7. Pepatah Inggeris ada menyatakan *social media is just like the double-edge sword* di mana jika digunakan secara positif, ia boleh membawa kebaikan dan jika digunakan secara negatif ia akan mendatangkan pelbagai keburukan yang membawa kepada kemusnahan masyarakat dan negara.
8. Saya berpandangan, tidak ada salahnya untuk menggunakan media sosial sebagai medan atau landasan untuk berhubung. Namun begitu, saya melihat penggunaan media sosial pada masa kini adalah lebih tertumpu kepada penyebaran maklumat yang tidak berasas, berunsur fitnah, berita-berita yang palsu, gambar-gambar sensitif, malah tidak terkecuali dokumen– dokumen rahsia dan dokumen rasmi kerajaan.
9. Sekiranya kita masih ingat, terdapat beberapa kes yang melibatkan pendedahan dokumen-dokumen yang melibatkan perolehan kerajaan, program lawatan rasmi pemimpin negara, kebocoran maklumat kenaikan harga minyak dan beberapa kes lain yang menunjukkan ada dalam kalangan penjawat awam yang menjadi dalang kepada pendedahan dokumen serta maklumat tersebut.
10. Pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-14 (MAPPA XIV) yang telah diadakan pada 17 Jun 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini, YAB Perdana Menteri telah mengingatkan kepada seluruh penjawat awam agar tidak

**membocorkan rahsia rasmi kerajaan.** Beliau juga telah mengingatkan bahawa penjawat awam **adalah terikat dengan sumpah dan ikrar** di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Aku Janji Perkhidmatan Awam bagi menyimpan rahsia rasmi kerajaan.

11. Di sini saya ingin mengingatkan kepada seluruh penjawat awam bahawa kita sebagai penjawat awam hendaklah **sentiasa mendukung prinsip taat setia kepada Raja, Negara dan Kerajaan yang memerintah** dan hendaklah sentiasa menjaga rahsia kerajaan yang telah diamanahkan kepada kita dengan bersungguh-sungguh dan dengan cara yang terbaik sekalipun.
12. Penjawat awam juga adalah diingatkan untuk tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang boleh disifatkan sebagai mencemarkan imej perkhidmatan awam dan menjejaskan ketenteraman dan keselamatan negara.

#### **KE ARAH MEMPERKASAKAN PROFESIONALISME SKIM PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM (SKIM KP)**

Warga Pejabat KPKK yang saya hormati sekalian,

13. Pejabat KPKK seharusnya menyediakan sebuah **Dasar Keselamatan Perlindungan yang baharu** bagi menggantikan dasar, peraturan, arahan, garis panduan dan prosedur yang sedia ada. Sehubungan dengan itu, saya difahamkan Arahan Keselamatan baharu yang akan dikeluarkan nanti turut mengambil kira **aspek Keselamatan ICT** dan **aspek penilaian risiko**. Semua perubahan dasar, peraturan, arahan, prosedur dan garis panduan ini **perlu menepati universal mandatory standard**.
14. Pejabat KPKK juga perlu memberi penekanan kepada **aspek pembangunan modal insan** ke arah **peningkatan tahap profesionalisme** dan **kompetensi** para Pegawai Keselamatan. Ini boleh dilakukan dengan perancangan yang rapi dan tersusun serta kerjasama strategik dengan institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta sama ada dalam atau luar negara. Dalam hal ini saya difahamkan Pejabat KPKK telah **berkolaborasi** dengan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dalam melahirkan lebih ramai individu yang professional dalam bidang **Protective Security Management** di peringkat diploma dan ijazah lanjutan. Syabas diucapkan.

## **SISTEM TAPISAN KESELAMATAN ELEKTRONIK e-VETTING 2.0**

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Pejabat KPKK yang telah berjaya membangunkan dan seterusnya mentransformasikan urusan tapisan keselamatan daripada sistem manual kepada sistem online dengan memperkenalkan sistem e-Vetting 2.0.
16. Sistem e-Vetting 2.0 telah dibangunkan bagi menggantikan Sistem e-Vetting 1.0 melalui penambahan daripada **2 modul kepada 12 modul**. Sistem e-Vetting yang terdahulu hanya boleh digunakan oleh penjawat awam sahaja manakala dalam Sistem e-Vetting 2.0 yang telah dibangunkan ini, **para pekerja swasta yang berkhidmat** sebagai perunding, kontraktor, vendor dan pembekal perkhidmatan kepada kerajaan boleh memohon tapisan keselamatan secara dalam talian.
17. Saya difahamkan, antara penambahbaikan yang signifikan dalam Sistem e-Vetting 2.0 ialah **integrasi dengan pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan**. Ini adalah antaranya dengan pihak Jabatan Pendaftaran Negara untuk semakan status kewarganegaraan, Jabatan Insolvency Malaysia untuk semakan status kebangkrapan, Jabatan Penjara Malaysia untuk semakan rekod jenayah dan Jabatan Imigresen Malaysia untuk semakan ketulenan pasport dan permit kerja. Dengan adanya pengintegrasian seumpama ini, ia akan secara tidak langsung **mempercepatkan proses semakan** latar belakang individu dan seterusnya **mengurangkan kecuaiian manusia** (human error).
18. Pembangunan sistem yang sedemikian memperlihatkan **daya inovasi** dalam menghasilkan **impak yang positif** kepada sistem penyampaian perkhidmatan untuk rakyat adalah amat digalakkan. Ia bukan sahaja untuk memberinilai **tambah** kepada sesuatu organisasi malah ia adalah selaras dengan **Strategi Lautan Biru Kebangsaan** atau National Blue Ocean Strategy (NBOS) dalam meruntuhkan tembok silo di antara sebuah organisasi dengan organisasi yang lain.

**PAKAIAN SERAGAM DAN TANDA PANGKAT SKIM KP GRED KP11 PENGAWAL KESELAMATAN HINGGA GRED KP 26 DAN KAD PELANTIKAN PEGAWAI PEJABAT KPKK**

Warga Pejabat KPKK yang saya hormati sekalian,

19. Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (KPKK) adalah menjadi Ketua Perkhidmatan kepada para pegawai dalam Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam (Skim KP). Sehubungan dengan itu, langkah Pejabat KPKK dalam **memperkenalkan pakaian seragam dan tanda pangkat** untuk Pengawal Keselamatan iaitu bagi KP 11 hingga KP 14, dan Pembantu Keselamatan iaitu bagi KP 17 hingga KP 26, merupakan satu langkah yang tepat dalam mewujudkan **satu identiti dan menaikkan imej dan keterampilan** Pengawal Keselamatan dan Pembantu Keselamatan secara amnya.

20. Usaha Pejabat KPKK dalam membekalkan Kad Pelantikan Pegawai Keselamatan Kerajaan dan Penolong Pegawai Keselamatan Kerajaan juga **adalah bertepatan dengan waktunya** kerana secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan pihak yang diperiksa atau dilawati terutamanya **sektor swasta di Sasaran Penting** bahawa pegawai yang melaksanakan tugas tersebut adalah pegawai yang **mempunyai kuasa undang-undang yang sah**. Justeru itu, pegawai-pegawai perlu melipatgandakan usaha dalam menjalankan tugas harian terutamanya dalam menjalankan tugas di luar pejabat. Ini termasuklah melakukan **tugasan inspektorat dan pemeriksaan mengejut di Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan serta naziran di pemasangan Sasaran Penting dan kawasan larangan atau tempat larangan**.

**PENUTUP**

Hadirin yang dihormati sekalian,

21. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada YBhg. Dato' Aloyah Binti Mamat, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan serta seluruh warga

Pejabat KPKK atas usaha dan komitmen bagi mentransformasikan Pejabat KPKK ke arah satu tanda aras yang baharu.

Akhir kata, saya berharap Pejabat KPKK dapat dijadikan sebagai pusat rujukan yang unggul dalam keselamatan perlindungan dan mencapai kejayaan yang dihasratkan. Semoga seluruh warga Pejabat KPKK akan terus mendukung dan menggalas tanggungjawab yang diamanahkan demi memastikan visi dan misi organisasi dapat direalisasikan dengan jayanya demi kepentingan rakyat dan negara.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

©2015 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2020>